

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
SOALAN :
TARIKH :

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Perkhidmatan Ubat melalui Pos 1Malaysia mendapat sambutan dari kalangan pesakit dan adakah perkhidmatan ini wujud di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M) telah bermula pada 23 Januari 2011 dan diperluaskan ke seluruh Malaysia. Sambutan pesakit amat memberangsangkan di mana sejak ia mula dilaksanakan, seramai 41,535 pesakit telah berdaftar dan menggunakan perkhidmatan UMP1M.

Sehingga Disember 2015 sebanyak 135 fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan UMP1M ini. Di Sarawak, perkhidmatan ini mula ditawarkan pada tahun 2012. Sehingga kini terdapat lima (5) buah hospital iaitu Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibul, Hospital Miri, Hospital Bintulu dan Pusat Jantung Sarawak dan lima (5) buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Jalan Masjid Kuching, Klinik Kesihatan Jalan Oya Sibul, Klinik Kesihatan Bandar Miri, Klinik Kesihatan Tudan Miri dan Klinik Kesihatan Bintulu yang menawarkan perkhidmatan ini. Dari segi sambutan pesakit di Sarawak, terdapat pola peningkatan pembekalan ubat susulan melalui UMP1M setiap tahun. Pada tahun 2012 sebanyak 1050 bungkusan dihantar manakala pada tahun lepas iaitu 2015, sebanyak 3660 bungkusan dihantar menggunakan perkhidmatan ini.